

Newspaper	Berita Harian
Date	6 July 2015

## Majlis berbuka puasa bersama PM

**Kuala Terengganu:** Lebih 20,000 rakyat dijangka menghadiri majlis berbuka puasa bersama Datuk Seri Najib Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor di Sekolah Menengah (SM) Imtiaz, Besut, hari ini.

Perdana Menteri dan isteri yang dijangka tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Gong Kedak, Besut, kira-kira jam 5 petang, akan disambut Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman dan pucuk pimpinan UMNO.

Ketua UMNO Bahagian Besut, Nawi Mohamad, berkata Najib kemudian akan meluangkan ma-

sa beramah mesra dengan pengunjung dan peniaga di Bazar Ramadan Kampung Pasir Raja.

"Selepas itu, Najib akan merasmikan SM Imtiaz Yayasan Terengganu serta melancarkan program Syahadah Auliya Ulul Albab dan menyampaikan sumbangan dana kerajaan negeri," katanya.

### Rasmi pertandingan

Nawi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi negeri, berkata sejurus tiba, Rosmah akan terus ke SM Imtiaz untuk merasmikan

Pertandingan Jari Jemari Kreatif anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

"Pada pertandingan itu, peserta yang terdiri daripada suri rumah yang dibahagikan kepada 10 kumpulan akan menggunakan kepakaran dan kreativiti mereka untuk membuat biskut raya," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri dan isteri akan menunaikan solat Maghrib di SM Imtiaz sebelum ke Masjid Ulul Albab di Kampung Seberang Jertih untuk menunaikan solat Isyak dan Tarawih.



Majlis berbuka puasa PM bersama rakyat di Sekolah Menengah Imtiaz, Besut.